



## UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

---

### SURAT PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 6 TAHUN 2007

---

### GARIS PANDUAN MENGENAI PEMBERIAN ELAUN KHAS PENTADBIRAN DAN ELAUN PENGETUA ASRAMA

#### 1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk **menjelaskan** mengenai garis panduan pemberian Elaun Khas Pentadbiran dan Elaun Pengetua Asrama kepada staf-staf yang layak di Universiti Malaysia Pahang.

#### 2.0 LATARBELAKANG

- 2.1. Garispanduan ini telah mendapat kelulusan pihak **Lembaga Pengarah Universiti (LPU) bilangan 1 / 2007** yang telah bermesyuarat pada 26 Mac dan disahkan 02 Julai 2007 .
- 2.2. Garis panduan ini adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6/1985 dan pindaan melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 / 1995 , dimana **Lembaga Pengarah Universiti (LPU)** berdasarkan mesyuarat diatas telah bersetuju menerima pakai pekeling tersebut dengan pengubahsuaian beberapa ketetapan kerana mengambil kira perubahan dan keadaan semasa.

### 3.0 PERATURAN MENGENAI BAYARAN ELAUN KHAS PENTADBIRAN

#### 3.1 Asas Penentuan Pemberian Elaun Khas Pentadbiran dan Elaun Pengetua Asrama

**3.1.1** Bayaran Elaun Khas Pentadbiran dan Elaun Pengetua Asrama adalah elaun yang dibayar kepada **staf-staf akademik** yang terlibat dengan pengajaran & pembelajaran di fakulti dan menjalankan tugas-tugas pentadbiran samada di fakulti , pusat atau jabatan disamping menjalankan tugas hakiknya masing-masing.

**3.1.2** Elaun Khas Pentadbiran dan Elaun Pengetua Asrama merupakan imbuhan galakan **untuk staf-staf akademik** di Universiti yang dilantik untuk menjalankan tugas tambahan yang berkaitan.

**3.1.3** Elaun tersebut hanya akan dibayar kepada staf-staf tersebut setelah *perlantikannya dibuat secara rasmi pada sesuatu tempoh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa / Mesyuarat tertentu*. Penentuan sama ada seseorang staf tersebut layak menerima Elaun Khas Pentadbiran dan Elaun Pengetua Asrama adalah staf tersebut mestilah merupakan staf yang diistilahkan sebagai staf akademik sebagaimana jawatan dibawah :-

##### **3.1.3.1** Semua Pensyarah-Pensyarah;

**3.1.3.1.1** Profesor Gred VK7

**3.1.3.1.2** Profesor Madya Gred DS53 / DS54

**3.1.3.1.3** Pensyarah Kanan Gred DS51/ DS 52

**3.1.3.1.4** Pensyarah Grd DS 45

**3.1.3.2** Semua Pegawai Latihan Vokasional (selama mana ianya dikategorikan dalam Perkhidmatan Akademik oleh pihak Universiti)

**3.1.3.2.1** Pegawai Latihan Vokasional Gred J 41 – J 54

## **2.1 Kadar Bayaran Elaun Khas Pentadbiran dan Elaun Pengetua Asrama**

**2.1.1** Elaun Khas Pentadbiran dan Elaun Pengetua Asrama merupakan imbuhan galakan untuk **Pegawai Akademik** di Universiti Malaysia Pahang yang dilantik untuk menjalankan tugas tambahan yang berkaitan. Kadar elaun-elaun tersebut adalah seperti berikut:

**2.1.1.1** Elaun Pentadbiran Khas bagi staf yang dilantik menjawat jawatan pentadbiran khas di Fakulti-Fakulti dan Pusat-Pusat bertaraf Fakulti di UMP;

<b>Bil</b>	<b>Jawatan Giliran</b>	<b>Kadar Elaun</b>
1	Dekan	RM 800.00
2	Timbalan Dekan	RM 700.00
3	Ketua Jabatan / Ketua Program / Ketua Teknikal	RM 600.00

**2.1.1.2** Elaun Pentadbiran Khas dan Elaun Pengetua Asrama bagi staf yang dilantik menjawat jawatan pentadbiran khas di Pusat-Pusat selain daripada Fakulti seperti di Pusat-Pusat Kecemerlangan /Tanggungjawab / Pusat-Pusat Sokongan dan Jabatan-Jabatan di UMP;

<b>Bil</b>	<b>Jawatan Giliran</b>	<b>Kadar Elaun</b>
1	Dekan / Pengarah / Pengetua	RM 700.00
2	Ketua Program / Ketua Jabatan	RM 600.00

#### **4.0 PEMAKAIAN**

4.1 Garis panduan ini ini akan digunapakai kepada semua *staf tetap / staf pinjaman / staf kontrak dan staf sementara* dalam skim perkhidmatan akademik ( Pensyarah Universiti dalam Skim DS/VK dan Pegawai Latihan Vokasional Skim J ) di Universiti Malaysia Pahang.

#### **5.0 TARIKH KUATKUASA**

5.1 Tarikh kuatkuasa garis panduan ini ialah pada **01 Februari 2007**

#### **”BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan tugas,

**(HAJI SA’UDI BIN HAJI AHMAD, SMP., PKC.)**  
PENDAFTAR

Tarikh : 04 Julai 2007

#### ***Edaran Kepada:***

Semua Dekan  
Semua Pengarah  
Semua Ketua Bahagian / Unit  
Bendahari